

# **HAK-HAK WANITA ISLAM DALAM KES MUNGKIR JANJI UNTUK BERKAHWIN DI MALAYSIA: KAJIAN PERBANDINGAN ANTARA UNDANG-UNDANG SIVIL DAN SYARIAH.**

**Zulkifli Hasan**  
**Fakulti Syariah dan Undang-undang**  
**Kolej Universiti Islam Malaysia**

## **ABSTRAK**

*Secara umumnya, wanita Islam di Malaysia mengetahui dan menyedari hak-hak mereka selepas berlakunya penceraian. Ini memandangkan ia sering kali diperbincangkan sama ada oleh ahli akademik, pengamal undang-undang atau kolumnis dan penulis-penulis di media masa dan bahan rujukan akademik. Sebaliknya, menurut pemerhatian, wanita Islam di Malaysia tidak mengetahui dan masih kabur dengan hak-hak mereka di dalam kes kemungkiran janji untuk berkahwin atau di dalam erti kata lain pembatalan pertunangan. Statistik menunjukkan kes kemungkiran janji untuk berkahwin telah meningkat mutakhir ini dan trend ini telah berleluasa hingga melibatkan kes pembatalan pertunangan melalui SMS, e-mail dan sebagainya. Kemungkiran janji untuk berkahwin mengakibatkan kerugian dan impak negatif kepada pihak perempuan dan keluarganya seperti kejatuhan maruah, aib, harga diri, kerugian wang ringgit, tekanan perasaan dan juga gangguan mental. Oleh itu, kajian ini dibuat bertujuan untuk memberi kesedaran dan pengetahuan terutamanya kepada wanita Islam di Malaysia mengenai hak-hak sebenar mereka di dalam kes kemungkiran janji untuk berkahwin dengan membuat perbandingan di antara perspektif undang-undang sivil dan undang-undang keluarga Islam.*

## **1.0 PENGENALAN**

Hak-hak wanita selepas penceraian atau perpisahan kerap kali diperbincangkan secara mendalam dan meluas sama ada secara akademik atau melalui media massa tetapi tidak di dalam kes kemungkiran janji untuk berkahwin. Kes kemungkiran janji untuk berkahwin melalui SMS di Johor yang di laporkan di media massa di antara seorang jururawat dan salah seorang pemain bolasepak negeri Kedah menimbulkan pelbagai reaksi negatif masyarakat termasuk para mufti, ahli akademik, peguam dan pelbagai pihak<sup>1</sup>. Persoalannya, apakah hak-hak sebenar wanita Islam di dalam kes pembatalan pertunangan dari sudut syariah dan undang-undang yang diguna pakai di Malaysia. Masyarakat masih kabur dengan hak-hak mereka dalam kes seumpama ini terutamanya wanita.

---

<sup>1</sup> Utusan Malaysia, *Hasmawi Hilang Selepas SMS Batal Nikah*, 20 Disember 2004, ms 1.

Perjanjian untuk berkahwin atau dalam istilah yang biasa dirujuk iaitu pertunangan boleh ditakrifkan sebagai suatu kontrak untuk berkahwin dan ia berlaku apabila pihak lelaki mengemukakan permohonan atau peminangan kepada pihak perempuan sama ada secara langsung atau tidak langsung<sup>2</sup>. Enakmen undang-undang keluarga Islam negeri-negeri tidak mentakrifkan secara spesifik istilah pertunangan namun sekiranya dikaji ada peruntukan yang menyebut pertunangan ialah perjanjian untuk berkahwin yang diadakan secara lisan atau bertulis dan dilakukan sama ada bersendirian atau perantaraan<sup>3</sup>. Pada asasnya pertunangan hanya suatu perjanjian untuk mengadakan perkahwinan<sup>4</sup>. Oleh itu, mana-mana pihak boleh membatalkan perjanjian pertunangan itu jika ada sebab munasabah yang membolehkannya berbuat demikian.

Menurut undang-undang sivil, ia amat jelas bahawa wanita mempunyai hak untuk mendapatkan pampasan atau gantirugi di dalam kes mungkir janji untuk berkahwin (Breach of Contract of Marriage). Bagaimana pula dengan undang-undang keluarga Islam? Adakah wanita mempunyai hak yang sama dan apakah pandangan *fuqaha* Islam mengenai perkara ini? Perbincangan penulis mengenai kemungkiran janji untuk berkahwin ini merujuk kepada sumber daripada *Al-Quran*, *Hadith* dan pendapat para *fuqaha* Islam termasuk peruntukan undang-undang Islam negeri-negeri di Malaysia.

Penulis akan membincangkan peruntukan undang-undang keluarga Islam di Malaysia dan membuat perbandingan dengan undang-undang sivil dari aspek prosedur, aplikasi, kes-kes berkaitan dan hak-hak wanita di dalam kes Kemungkiran janji untuk berkahwin.

## 2.0 UNDANG-UNDANG SIVIL

---

<sup>2</sup> Mimi Kamariah Majid, *Undang-undang Keluarga Di Malaysia*, Butterworths, Kuala Lumpur, 1992, ms 26. Lihat Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003, Seksyen 15.

<sup>3</sup> Ibid

<sup>4</sup> Ahmad Ibrahim, *Undang Keluarga Islam di Malaysia*, Malayan Law Journal, Kuala Lumpur, 1999, ms 20-21, Lihat juga Sayyid Sabiq, *Perkahwinan dan Pertunangan Dalam Islam (Penterjemah Zainal Azam)*, Penerbitan Al-Ramadhan, 1996, ms 59-60.

Undang-undang sivil merujuk kepada undang-undang yang diaplikasikan di Mahkamah Sivil di Malaysia. Di dalam konteks ini perbincangan akan merujuk kepada undang-undang keluarga di Malaysia yang melibatkan orang bukan Islam. Sekiranya diteliti melalui peruntukan-peruntukan dan kes-kes yang diputuskan di mahkamah Sivil, ianya menunjukkan undang-undang sivil mempunyai peruntukan yang jelas dari aspek keperluan perjanjian untuk berkahwin yang sah, hak-hak wanita di dalam kes kemungkiran janji untuk berkahwin termasuk dalihan atau alasan yang boleh dikemukakan oleh pihak yang memungkiri janji.

Undang-undang sivil menetapkan beberapa keperluan untuk menentukan perjanjian pertunangan itu sah atau tidak. Keperluan pertama ialah balasan. Sebagai contoh, persetujuan pihak wanita untuk berkahwin adalah mencukupi sebagai balasan. Ini disokong oleh kes *Harvey lwn Johnson*<sup>5</sup>. Di dalam kes ini plaintiff menuntut ganti rugi kerana kemungkiran janji defendan di mana beliau telah pergi ke Lisahoppin, Ireland untuk berkahwin berdasarkan janji yang dibuat tetapi dibatalkan oleh defendan. Mahkamah memberikan penghakiman kepada plaintiff kerana defendan telah menyatakan persetujuan untuk berkahwin dengan jelas kepada plaintiff.

Keperluan kedua ialah keupayaan. Di dalam konteks undang-undang sivil berpoligami adalah menyalahi undang-undang bagi bukan Islam. Seorang yang sudah berkahwin tidak boleh membuat perjanjian pertunangan. Sekiranya pihak wanita tahu perkahwinan tunangnya dan membatalkan perjanjian untuk berkahwin, beliau tidak berhak untuk mendapat ganti rugi akibat kemungkiran janji itu. Di dalam kes *Spiers lwn Hunt* defendan telah berkahwin dan berjanji untuk berkahwin dengan plaintiff sekiranya isteri beliau meninggal dunia. Lelaki tersebut kemudian enggan berkahwin dengan plaintiff. Perjanjian untuk berkahwin ini dianggap tidak sah dan pihak plaintiff gagal dalam tuntutan<sup>6</sup>.

Walaupun bagaimanapun, terdapat tiga pengecualian di dalam kes seumpama ini. Pertama sekiranya pihak perempuan tidak tahu bahawa defendan telah berkahwin. Di dalam kes

---

<sup>5</sup> (1848) 6 CB 295

<sup>6</sup> (1908) 1 KB 720 lihat juga kes *Wilson lwn Carley*. Hakim Vaugh Williams memutuskan perjanjian pertunangan dengan orang sudah berkahwin adalah bertentangan dengan polisi atau dasar awam.

*Shaw lwn Shaw*<sup>7</sup>, mahkamah telah memutuskan bahawa defendan perlu memberikan gantirugi kepada plaintiff kerana mungkir janji untuk berkahwin kerana plaintiff tidak tahu bahawa isteri defendan masih hidup. Di Malaysia kes yang boleh dirujuk ialah *Mary Joseph Arokiasamy lwn Sundram*<sup>8</sup>. Di dalam kes ini mahkamah telah membuat keputusan bahawa perjanjian untuk berkahwin diputuskan sah kerana perempuan itu tidak tahu bahawa isteri tunangnya masih hidup dan beliau berhak untuk mendapatkan hak-haknya akibat kemungkiran janji itu.

Kedua, sekiranya sesuatu dikri nisi atau dikri sementara dikeluarkan secara mutlak maka perjanjian itu dianggap sah. Di dalam kes *Fender lwn St John Mildmay*<sup>9</sup> isteri defendan telah memperolehi dikri nisi akibat kecurangan defendan. Perjanjian telah dibuat setelah dikri nisi dikeluarkan. Mahkamah memutuskan bahawa perjanjian untuk berjanji itu adalah dianggap sah dan mengarahkan defendan membayar gantirugi yang sewajarnya.

Ketiga sekiranya pihak lelaki dibenarkan berkahwin lebih daripada seorang perempuan, Ini berlaku didalam kes melibatkan orang Islam. Di dalam kes *Nafsiah lwn Abd Majid* mahkamah tinggi telah memberi gantirugi sebanyak RM 1,200.00 kepada plaintiff walaupun defendan telah berkahwin semasa perjanjian dibuat<sup>10</sup>. Namun begitu kes kemungkiran janji untuk berkahwin perlu dibawa ke mahkamah syariah selepas pindaan Artikel 121 (1A) Perlembagaan Persekutuan di buat pada tahun 1988. Setiap tuntutan di dalam kes seumpama ini perlu dibuat di Mahkamah syariah negeri masing-masing berdasarkan peruntukan eksklusif bidangkuasa yang telah diberikan.

Keperluan Keempat ialah mencapai umur majoriti. Seksyen 11 Akta Kontrak 1950 menyatakan keperluan seseorang itu layak memasuki kontrak ialah sekiranya dia cukup umur. Akta Umur Dewasa 1971 menetapkan umur dewasa ialah 18 tahun. Walaupun perkahwinan berbeza daripada kontrak yang lain seperti kontrak perniagaan dan

---

<sup>7</sup> (1954) 2 QB 429.

<sup>8</sup> (1938) MLJ 4.

<sup>9</sup> (1938) AC 1

<sup>10</sup> (1969) 2 MLJ 175

sebagainya namun Hakim Ajaib Singh di dalam kes *Rodrigues lwn Bala Krishnan*<sup>11</sup> telah memutuskan bahawa Akta Kontrak 1950 meliputi kontrak perkahwinan.

Undang-undang sivil menetapkan hak-hak wanita di dalam kes kemungkiran janji untuk berkahwin. Secara umumnya wanita berhak untuk menuntut dua perkara di dalam kes kemungkiran janji untuk berkahwin iaitu bayaran gantirugi dan tuntutan pemilikan hak pemberian atau barangan perkahwinan. Tuntutan ini hendaklah dibuat melalui proses di mahkamah sivil yang telah ditetapkan.

Namun begitu, pihak wanita dinasihatkan untuk membawa tindakan untuk mendapatkan gantirugi sekiranya kemungkiran dapat dibuktikan. Di dalam kes *Doris Rodrigues lwn Bala Krishnan*<sup>12</sup>, peguam defendan telah cuba mempengaruhi mahkamah bahawa tuntutan gantirugi di dalam kes kemungkiran janji untuk berkahwin tidak ada peruntukan undang-undang di Malaysia. Hakim Ajaib Singh memutuskan bahawa undang-undang di England terpakai di Malaysia berdasarkan Akta Undang-undang Sivil 1956 dan Akta Kontrak 1950. Undang-undang yang diguna pakai di England mengenai kemungkiran janji untuk berkahwin diaplikasikan di mahkamah sivil di Malaysia. Walaubagaimanapun di England tuntutan sedemikian telah dihapuskan melalui Law Reform (Miscellaneous Provisions) Act 1970 di dalam kes melibatkan perasaan terluka, kehampaan, perasaan malu dan hina dan sekiranya kemungkiran janji mengakibatkan kerugian yang nyata dan boleh dihitung tuntutan tersebut masih boleh dibuat<sup>13</sup>.

Hak-hak wanita di dalam kes seumpama ini meliputi gantirugi kewangan dan juga bukan kewangan seperti maruah, penghinaan dan sebagainya. Di dalam kes *Dennis lwn Senyah*, Hakim Hepworth memutuskan nilai gantirugi terserah kepada budi bicara mahkamah iaitu untuk mepertimbangkan beberapa aspek iaitu perasaan luka dan peluangnya untuk berkahwin, taraf dan keadaan kedua pihak dan kemampuan defendan membayar gantirugi. Di dalam kes ini defendan diminta membayar RM1,500 sebagai gantirugi am

---

<sup>11</sup> (1982) 2 MLJ 77

<sup>12</sup> Ibid

<sup>13</sup> Supra, n 2 ms 25-26

dan gantirugi khas sebanyak RM620.10 meliputi perbelanjaan pakaian dan tempahan makanan.

Selain daripada itu wanita juga berhak untuk mendapat barangan perkahwinan seperti cincin, hadiah perkahwinan sekiranya pihak lelaki tidak mematuhi keperluan perjanjian perkahwinan<sup>14</sup> dan wanita juga berhak untuk memiliki hadiah secara mutlak sekiranya hadiah diberikan tanpa keperluan oleh pihak lelaki. Walaubagaimanapun sekiranya kedua-dua pihak bersetuju untuk mengakhiri perjanjian atau pihak wanita yang membatalkannya tanpa sebab barang tersebut perlu dipulangkan<sup>15</sup>.

Undang-undang sivil memberikan peluang kepada pihak lelaki untuk membuat pembelaan bagi kes kemungkiran janji perkahwinan. Hujah pembelaan merangkumi salah nyataan fakta, Ketakupayaan fizikal atau mental dan ketakupayaan sendiri<sup>16</sup>. Jika pihak lelaki tidak berkeupayaan dari segi fizikal atau mental ia boleh menjadi hujah pembelaan untuk membatalkan janji perkahwinan.

Dalam kes *Wharton lwn Lewis*<sup>17</sup>, defendan telah membuat hujah bahawa beliau telah tersalah anggap terhadap plaintif yang kelakuannya dipersoalkan. Defendan menyatakan beliau telah diberi gambaran yang salah mengenai kelakuan plaintif. Mahkamah mendapati defendan tidak salah anggapan fakta terhadap plaintif dan mengenakan gantirugi terhadapnya.

Secara keseluruhannya Undang-undang sivil menyediakan peruntukan yang jelas terhadap hak-hak wanita di dalam kes kemungkiran janji untuk berkahwin. Ianya meliputi hak wanita untuk mendapatkan gantirugi berbentuk kewangan dan bukan kewangan termasuk tuntutan pemilikan hak hadiah-hadiah pemberian semasa pertunangan.

---

<sup>14</sup> *Cohey Lwn Sellar* (1926) 1 KB 536.

<sup>15</sup> Mimi Kamariah Majid, *Undang-undang Keluarga di Malaysia*, Butterworths Asia, Kuala Lumpur, 1992 ms 25.

<sup>16</sup> *Hall lwn Wright* (1859) EB & E 765. Defendan membuat pembelaan bahawa beliau sakit kononnya paru-parunya berdarah di mana akan menyebabkan susah untuk mendapat anak. Mahkamah menolak hujah beliau dan defendan telah dikehendaki membayar gantirugi.

<sup>17</sup> (1824) LC & P 259

### 3.0 UNDANG-UNDANG SYARIAH

Di dalam *surah al-Maidah ayat 1* Allah berfirman: “*Hai orang-orang yang beriman! Tepatilah segala janji*”<sup>18</sup>. Di dalam ayat ini Allah melarang manusia untuk memungkiri janji sama ada secara bertulis, perkataan atau perbuatan. Di dalam konteks ini Allah melarang mana-mana pihak untuk memutuskan pertunangan dengan pasangan masing-masing melainkan ada sebab yang tidak dapat dielakkan.

Walaupun pertunangan merupakan hanya suatu janji untuk mengadakan perkahwinan, pemungkiran janji tanpa bersebab ini dianggap satu perilaku keji yang dibenci oleh Allah S.W.T.i. Di dalam *surah al-Saf ayat 3* Allah berfirman “*Amat besar kebenciannya di sisi Allah kamu memperkatakan sesuatu yang kamu tidak melakukannya*”. Allah membenci orang yang memungkiri janji dan sesungguhnya perlakuan seperti ini tidak patut dilakukan oleh seorang yang bergelar muslim. Oleh itu, kaedah kemungkiran janji untuk berkahwin melalui SMS, e-mail, telefon atau apa cara sekalipun tidak sepatutnya dilakukan oleh orang Islam sekiranya mereka benar-benar memahami tanggungjawab menunaikan janji.

Pada dasarnya hukum melangsungkan pertunangan ialah harus dan perlu menepati beberapa keperluan. Hukum membatalkan pertunangan dengan sebab munasabah juga adalah harus memandangkan belum adanya kontrak perkahwinan yang mengikat. Keperluan-keperluan sah perjanjian untuk berkahwin merujuk kepada keperluan yang digariskan oleh hukum syarak. Tidak sah pertunangan seseorang itu melainkan jika memenuhi dua keperluan iaitu tiadanya halangan syarie yang menghalang perkahwinan dan pasangan yang ingin dikahwini itu mestilah diharuskan oleh syarak. Islam melarang sama sekali pertunangan di atas pertunangan orang lain dan pertunangan yang dibuat semasa iddah<sup>19</sup>. Ianya dianggap haram dan dilaknat oleh Allah SWT.

---

<sup>18</sup> Diterjemahkan oleh Yayasan Penyelenggara Penterjemah Al-Quran, Jakarta, 1981. Pimpinan al-rahman, Pusat Islam.

<sup>19</sup> Haram mutlak jika pertunangan dibuat semasa iddah talak rajie<sup>19</sup>. Lihat Sayid Sabiq, *Fiqh Sunnah*, Dar Al-Fikr, Beirut, Lebanon, 1995, ms 17-18.

Secara umumnya wanita berhak untuk menuntut dua perkara di dalam kes kemungkiran janji untuk berkahwin. Pertama, menuntut supaya pemberian semasa pertunangan menjadi hakmiliknya secara mutlak. Kedua, tuntutan gantirugi bagi persiapan perkahwinan akibat Kemungkiran janji untuk berkahwin daripada pihak lelaki dengan sebab yang tidak munasabah.

Bagi tuntutan yang pertama *mazhab Shafi'i* dan *Hanbali* berpendapat pihak lelaki tidak berhak sama sekali mengambil hadiah yang telah diberikan. Hadiah pada hakikatnya adalah pemberian yang tidak sepatutnya ditarik balik kecuali hibah daripada bapa kepada anaknya. Ini berdasarkan kepada hadith yang diriwayatkan oleh Ibnu Umar di mana Nabi Muhammad SAW bersabda “*Tidak boleh seseorang yang telah memberikan sesuatu atau menghibahkan sesuatu lalu meminta kembali barangnya kecuali ayah terhadap anaknya*”.

*Mazhab Hanafi* pula menyatakan bahawa pihak lelaki berhak menarik balik pemberiannya kecuali jika barang-barang tersebut telah rosak atau tidak lagi wujud. Ulama *mazhab Maliki* pula telah membezakan perkara ini di antara kemungkiran janji untuk berkahwin berpunca daripada pihak lelaki dan perempuan. Sekiranya pembatalan dibuat oleh pihak perempuan maka hendaklah pemberian pertunangan itu dipulangkan semula dan jika pembatalan itu dilakukan oleh pihak lelaki maka pemberian itu menjadi milik mutlak pihak perempuan. Pendapat ini disokong oleh sepotong hadith yang diriwayatkan oleh Salim bahawasanya Rasulullah SAW telah bersabda “*Barangsiapa memberikan hadiah, maka dia masih tetap lebih berhak terhadap barangnya selama sebelum mendapatkan kepulangnya*”. Hadis ini mengklasifikasikan dua jenis pemberian iaitu hadiah tanpa mengharap apa-apa dan pemberian hadiah dengan tujuan untuk mendapatkan sesuatu. Di dalam konteks pertunangan, segala pemberian semasa pertunangan boleh dikategorikan sebagai hadiah dengan tujuan untuk mendapatkan sesuatu iaitu perkahwinan. Oleh itu pemberian semasa pertunangan boleh ditarik balik dan pihak wanita perlu memulangkannya semula. *Mazhab Maliki* bagaimanapun menekankan untuk melihat adat dan amalan masyarakat setempat.



Penulis sependapat dengan pandangan *Dr. Wahbah Zuhailiy* di dalam bukunya yang masyhur "*Fiqhul Islami Wa Adillatuhu*" di mana beliau menyokong pendapat *mazhab Shafi'i* dan *Hanbali* yang menyatakan setiap pemberian pertunangan adalah menjadi milik wanita dengan syarat pembatalan itu dilakukan oleh pihak lelaki tanpa sebab musabab yang konkrit lagi munasabah. Ini berdasarkan hadith sahih yang diriwayatkan *Umru bin Syua'yb* bahawa Rasulullah SAW bersabda "*mana-mana perempuan yang dikahwini telah diberi kepadanya mas kahwin, pemberian atau alat persiapan sebelum berlangsungnya aqad nikah, maka itu adalah hak miliknya tetapi apa yang diberikan kepada para perempuan selepas berlakunya aqad nikah ia adalah kepunyaan pemberi*"<sup>20</sup>. Hadith ini jelas menunjukkan bahawa setiap pemberian semasa pertunangan itu dianggap hibah atau hadiah dan wanita berhak untuk menikmati dan memilikinya. Adalah satu perkara yang memalukan sekiranya pihak lelaki memohon kembali pemberiannya sedangkan dia sendiri yang telah membatalkan pertunangan tersebut.

Bagaimana pula dengan isu tuntutan yang kedua iaitu hak wanita untuk menuntut ganti rugi akibat kemungkiran janji untuk berkahwin. Terdapat pelbagai pendapat para *fuqaha'* sama ada yang terdahulu atau kontemporari dalam kes ini. *Mazhab Maliki* berpendapat pihak yang membatalkan pertunangan perlu membayar ganti rugi berdasarkan prinsip tanggungjawab sekiranya pihak yang dijanjikan telah menunaikan keperluan-keperluan yang dijanjikan. Di dalam konteks ini sekiranya pihak perempuan telah berusaha dengan membuat segala persiapan perkahwinan dengan kepercayaan bahawa pihak lelaki akan mengahwininya, wanita tersebut berhak untuk menuntut ganti rugi atas persiapannya itu. Adalah menjadi tanggungjawab bagi setiap orang Islam untuk menunaikan janjinya. Bahkan Allah telah mengingatkan orang Islam di dalam *surah Al-Isra ayat 24* yang bermaksud "... dan sempurnakanlah perjanjian (dengan Allah dan dengan manusia)...". Perintah Allah untuk bertanggungjawab melalui pelaksanaan janji ini merangkumi perjanjian dengan Allah dan juga sesama manusia.

---

<sup>20</sup> Wahbah Zuhaili, *Fiqhul Islami Wa Adillatuhu*, Jilid VII, Dewan Bahasa Pustaka, 2000, ms 32-34 Lihat juga Abdul Ghani Azmi Idris, *Hukum-hukum Perkahwinan & Kekeluargaan Dalam Islam Pandangan Daripada Pelbagai Mazhab*, Dinie Publisher, Kuala Lumpur, ms 94

*Dr. Wahbah Zuhailiy* telah menyentuh isu ini di dalam bab gantirugi akibat Kemungkiran janji untuk berkahwin. Beliau berpendapat pada asasnya *fuqaha'* terdahulu tidak menyediakan peruntukan khusus hukum berhubung gantirugi ke atas kepentingan kebendaan atau moral berikutan Kemungkiran janji untuk berkahwin. Walaubagaimanapun peruntukan hukum bagi melindungi hak-hak wanita di dalam kes Kemungkiran janji untuk berkahwin boleh dilaksanakan berpandukan kaedah-kaedah umum syariah seperti pengharaman melakukan penipuan dan diwajibkan gantian ke atas setiap tindakan yang berpunca daripada penipuan<sup>21</sup>.

Di dalam *Surah Al-Maidah ayat 1* jelas menunjukkan hukum wajib menunaikan janji di mana Allah mengingatkan orang beriman agar sentiasa menepatinya. Ini memandangkan sekiranya janji perkahwinan dimungkiri dengan membatalkan pertunangan sudah tentu pelbagai implikasi negatif akan menyelubungi pihak perempuan termasuk kaum keluarganya. Islam melindungi hak setiap insan dan dengan itu wanita juga berhak untuk menuntut kerugian akibat Kemungkiran janji untuk berkahwin untuk menampung kos harta benda dan juga kehilangan maruah diri walaupun ianya sukar untuk ditebus dengan wang ringgit.

*Kaedah fiqh* juga boleh diguna pakai seperti kaedah “*La Dharar Wa La Dhirar*” yang bermaksud tidak berbahaya dan tidak pula membahayakan. Kaedah ini tidak membenarkan kerugian yang dialami oleh sesetengah pihak akibat daripada pihak lain tanpa menyediakan mekanisma perundangan untuk melindungi hak pihak tersebut. Jika terdapatnya kerugian yang dialami oleh pihak wanita akibat perbuatan pihak lelaki, gantirugi perlu dibayar bagi menampung kos kerugian yang dialaminya.

Selain daripada itu teori-teori menghormati hak jiran dan penyalahgunaan kuasa juga boleh diaplikasikan bagi melindungi hak wanita. Pihak lelaki perlu menghormati hak wanita sepertimana mereka diminta untuk menghormati jiran dan Islam sama sekali melarang pihak lelaki daripada menyalahgunakan kuasa untuk menentukan perkahwinan yang dimilikinya. Pihak lelaki tidak boleh sesuka hati membatalkan mana-mana

---

<sup>21</sup> Ibid ms 35

pertunangan. Kaedah *fiqh*, teori hak-hak jiran dan larangan penyalahgunaan kuasa ini sangat bertepatan untuk diaplikasikan di mana wanita berhak untuk menuntut segala hak mereka dan ini merangkumi tuntutan bayaran gantirugi akibat Kemungkiran janji untuk berkahwin.

Menarik juga untuk di lihat undang-undang keluarga di Mesir sebagai perbandingan. Menurut peruntukan undang-undang keluarga Mesir pertunangan bukanlah satu *aqad* yang mengikat dan perilaku membatalkan pertunangan itu tidak menjadi sebab untuk pembayaran gantirugi. Walaubagaimanapun, sekiranya kemungkiran janji untuk berkahwin melibatkan kerugian terhadap mana-mana pihak maka salah satu pihak boleh dikenakan bayaran pampasan di atas keingkaran dan kemungkiran perjanjian itu setakat untuk menanggung kerugian yang dialami. Mungkin kaedah pelaksanaan ini yang paling sesuai dilaksanakan di dalam konteks masyarakat hari ini<sup>22</sup>.

Undang-undang syariah lebih bersifat terbuka terhadap hujah-hujah pembelaan bagi membuktikan yang pihak lelaki berhak untuk mendapatkan kembali hadiah pertunangan dan tuntutan gantirugi adalah tidak relevan. Tiada alasan spesifik terkandung di dalam Al-Quran dan As-Sunnah termasuk pendapat-pendapat fuqaha. Oleh itu, mana-mana pihak boleh mengemukakan hujah pembelaan yang difikirkan munasabah dan dapat diterima oleh mahkamah. Ini merangkumi kemungkiran janji untuk berkahwin yang dibuat oleh pihak perempuan dan bukan pihak lelaki<sup>23</sup>, kegagalan menunaikan keperluan perjanjian oleh pihak perempuan dan sebagainya.

### **3.1 Undang-undang Keluarga Islam Di Malaysia**

*Al-Quran* dan *Hadith* serta pendapat para *fuqaha'* yang tersebut di atas secara dasarnya memberikan hak kepada kaum wanita untuk menuntut supaya pemberian semasa

---

<sup>22</sup> Ibid ms 36

<sup>23</sup> Kes Rayuan Mal di Mahkamah Syariah Negeri Kelantan *Hussin Iwn Moh* (1969) 2 MLJ 175.<sup>23</sup>. Di dalam kes ini Jemaah Pengadilan Mahkamah Rayuan telah membenarkan rayuan dan membatalkan hukuman tersebut atas alasan Kemungkiran janji untuk berkahwin tidak dilakukan oleh pihak perayu tetapi pihak responden.

<sup>23</sup> Seksyen 15 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor 2003 hampir sama dengan Seksyen 8 Enakmen Keluarga Islam Kelantan, seksyen 12 Enakmen Keluarga Islam Kedah, Seksyen 13 Enakmen Keluarga Islam Perak dan Seksyen 15 Enakmen Undang-undang Keluarga Wilayah Persekutuan.

pertunangan menjadi hakmiliknya secara mutlak dan juga tuntutan bayaran pampasan terhadap kerugian akibat Kemungkiran janji untuk berkahwin. Isunya di sini ialah bagaimana pula dengan peruntukan undang-undang Islam di Malaysia? Adakah ada peruntukan untuk wanita Islam menuntut hak-hak mereka di dalam kes Kemungkiran janji untuk berkahwin?

Undang-undang Pentadbiran Islam negeri-negeri di Malaysia telah memperuntukkan dengan jelas hak-hak wanita di dalam kes ini. Sebagai contoh merujuk kepada Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor 2003, Seksyen 15<sup>24</sup> memperuntukkan bahawa jika seseorang telah mengikat secara lisan atau bertulis sama ada secara bersendirian atau melalui seorang perantaraan dan kemudiannya enggan berkahwin dengannya, maka pihak yang mungkir adalah bertanggung memulangkan pemberian pertunangan, jika ada, atau nilainya dan membayar apa-apa wang yang telah dibelanjakan dengan suci hati oleh atau pihak yang satu lagi untuk membuat persediaan bagi perkahwinan itu dan yang demikian boleh dituntut melalui tindakan dalam mahkamah. Seksyen 15 ini memperuntukkan bahawa wanita berhak untuk menuntut segala pemberiannya semasa pertunangan sekiranya kemungkiran janji untuk berkahwin dilakukan oleh pihak lelaki dan wanita juga boleh menuntut apa-apa gantirugi akibat kemungkiran janji untuk berkahwin itu melalui tindakan di Mahkamah. Oleh itu wanita yang berniat untuk mendapatkan hak-hak mereka seperti menuntut pampasan gantirugi persediaan perkahwinan boleh berbuat demikian dengan membuat permohonan di Mahkamah Syariah Negeri.

Peruntukan di atas menunjukkan terdapatnya undang-undang yang jelas terkandung di dalam Enakmen Pentadbiran Islam Negeri-negeri di Malaysia. Sesungguhnya perlu diingatkan wanita Islam di Malaysia tidak perlu untuk membawa kes kemungkiran janji untuk berkahwin ke Mahkamah Sivil seperti yang berlaku di Johor di dalam kes yang disebutkan sebelum ini<sup>25</sup>. Mahkamah Syariah sememangnya mempunyai bidangkuasa

---

<sup>25</sup> Kes yang telah dilaporkan di dalam akhbar Utusan Malaysia bertarikh 20 Disember 2004 di antara *Norlida Abdul Rahman lwn Hasmawi* di Mahkamah Tinggi, Johor. Kes ini melibatkan pembatalan janji untuk berkahwin melalui SMS.

untuk mendengar permohonan sedemikian kerana bidangkuasa eksklusif telahpun diperuntukkan oleh Artikel 121 (1A) Perlembagaan Persekutuan. Malahan terdapat beberapa kes berkaitan yang telah diputuskan oleh Mahkamah Syariah di negeri-negeri di Malaysia.

Walaupun terdapatnya kes-kes yang dilaporkan melibatkan orang Islam dihakimi di Mahkamah Sivil seperti *Nafisah lwn Abdul Majid*<sup>26</sup> dan *Hamzah Musa Lwn Fatimah Zaharah Mohamad Jalal*<sup>27</sup>. Kes-kes ini telah diputuskan oleh Mahkamah Sivil sebelum pindaan perlembagaan dibuat iaitu pada tahun 1988 di mana Artikel 121 (1A) Perlembagaan Persekutuan dengan jelas memperuntukkan kuasa eksklusif Mahkamah Syariah di dalam kes-kes keluarga Islam yang terkandung di dalam Undang-undang Pentabiran Islam negeri-negeri di Malaysia<sup>28</sup>.

Laporan kes-kes kemungkiran janji untuk berkahwin yang diadili di Mahkamah Syariah boleh dirujuk di dalam Jurnal Hukum yang diterbitkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan kini ianya diuruskan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM). Di antaranya kes Rayuan Mal di Mahkamah Syariah Negeri Kelantan *Hussin lwn Moh*<sup>29</sup>. Di dalam kes ini mahkamah kadi Jajahan Pasir Mas telah bersetuju untuk mengarahkan pihak lelaki untuk membayar sebanyak RM350.40 sebagai gantirugi perbelanjaan perkahwinan yang telah dibatalkan. Walaubagaimanapun Jemaah Pengadilan Mahkamah Rayuan telah membenarkan rayuan dan membatalkan hukuman tersebut atas alasan Kemungkiran janji untuk berkahwin tidak dilakukan oleh pihak perayu tetapi pihak responden.

---

<sup>26</sup> (1969) 2 MLJ 175.

<sup>27</sup> (1982) 1 MLJ 361. Hakim Mohamed Zahir berpendapat mahkamah sivil dan syariah ada bidang kuasa untuk mendengar kes kemungkiran janji untuk berkahwin.

<sup>28</sup> Lihat kes *Dalip Kaur lwn Pegawai Polis Daerah Bukit Mertajam* (1992) 1 MLJ 1. Hakim Hashim Yeop Sani memutuskan bahawa Artikel 121 (1A) telah mengambil bidangkuasa mahkamah sivil di dalam hal ehwal bidangkuasa mahkamah syariah. Lihat juga kes *Faridah Dato Talib lwn Habibullah* (1990) 1 CLJ 763. Hakim Harun Hashim menyatakan bahawa adalah tujuan parlimen melalui pindaan perlembagaan Artikel 121 (1A) Perlembagaan Persekutuan pada tahun 1988 untuk memberi bidangkuasa eksklusif kepada mahkamah syariah.

<sup>29</sup>(1980) Jurnal Hukum, Jilid 1, ms 44-46.

Di dalam kes yang lain di Mahkamah Syariah Negeri Kedah di antara *Aishah Mahmud lwn Jamaluddin Sulaiman*<sup>30</sup>, di dalam kes ini pihak lelaki telah memutuskan pertunangan dan pihak perempuan menuntut bayaran maskahwin, gantirugi dan juga cincin pertunangan yang telah diberikan. Hakim dengan merujuk seksyen 119 Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Kedah 1967 telah memutuskan agar pihak responden membayar sebanyak RM1249.00 kepada perayu termasuk kerugian membaiki rumah untuk perkahwinan dan cincin pertunangan di mana ianya dikira menjadi milik perayu iaitu Aishah Mahmud.

Berdasarkan fakta-fakta di atas bolehlah dirumuskan bahawasanya wanita Islam berhak untuk menuntut pemberian semasa pertunangan menjadi miliknya secara mutlak dan permohonan pampasan dan gantirugi akibat kemungkiran janji untuk berkahwin. Tuntutan yang boleh dibuat merangkumi barang hantaran semasa pertunangan, kos pengubahsuaian rumah khusus untuk tujuan perkahwinan, sewa dewan dan tempahan kad termasuk kos-kos lain yang difikirkan munasabah.

Walaupun demikian bukan semua kes Kemungkiran janji untuk berkahwin memberikan hak kepada wanita Islam untuk membuat tuntutan gantirugi. Hanya kes Kemungkiran janji untuk berkahwin yang melibatkan kerugian sebenar sahaja dibolehkan untuk menuntut pampasan sama ada dalam bentuk kewangan atau bentuk yang lain. Di Malaysia sebarang permohonan atau tuntutan hendaklah dibuat melalui Mahkamah Syariah negeri masing-masing.

#### **4.0 KESIMPULAN**

Berdasarkan fakta-fakta dan autoriti-autoriti yang kemukakan di atas bolehlah dirumuskan bahawasanya undang-undang syariah dan undang-undang keluarga Islam di Malaysia telah memperuntukkan undang –undang yang jelas mengenai hak-hak wanita Islam di dalam kes kemungkiran janji untuk berkahwin. Undang-undang sivil pula telah mengaplikasikan amalan undang-undang kemungkiran janji untuk berkahwin

---

<sup>30</sup> (1983) Jurnal Hukm, ms 104-105

berdasarkan undang-undang “common law” di England yang diwarisi oleh negara kita Malaysia.

Undang-undang sivil telah menetapkan yang pihak wanita berhak untuk menuntut gantirugi dan pemilikan hak barangan perkahwinan melalaui proses mahkamah. Terdapatnya keperluan-keperluan untuk memastikan perjanjian perkahwinan itu sah dan membolehkan pihak wanita menuntut hak-hak mereka. Pihak lelaki pula boleh mengemukakan hujah pembelaan bagi memperjuangkan hak mereka dan mendapatkan keadilan sekiranya kemungkiran itu dilakukan atas dasar yang munasabah.

Menurut perspektif syariah pula, pada dasarnya *fuqaha* tidak memperbincangkan hak-hak wanita di dalam kes kemungkiran janji untuk berkahwin secara khusus dan mendalam. Namun demikian terdapat pendapat-pendapat muftabar mengenai status pemberian barangan perkahwinan dan pandangan kontemporari fuqaha moden terhadap hukum bayaran pampasan gantirugi akibat kemungkiran perjanjian untuk berkahwin. Para *fuqaha* telah menetapkan bahawa pihak perempuan perlu membuktikan dengan jelas kerugian yang di alami dan pihak lelaki pula boleh membuat pembelaan dengan mengemukakan hujah-hujah yang munasabah.

Pada dasarnya wanita Islam berhak untuk menuntut pemberian semasa pertunangan menjadi miliknya secara mutlak dan permohonan pampasan dan gantirugi akibat kemungkiran janji untuk berkahwin. Hak-hak ini adalah sama seperti yang diperuntukkan oleh undang-undang sivil. Tuntutan yang boleh dibuat merangkumi hadiah hantaran semasa pertunangan samada cincin, kos pengubahsuaian rumah khusus untuk tujuan perkahwinan, peralatan perkahwinan, sewa dewan dan tempahan kad termasuk kos-kos lain yang difikirkan munasabah.

Terdapatnya perbezaan dari segi keperluan-keperluan sah perjanjian untuk berkahwin di antara undang-undang sivil dan syariah. Dari sudut undang-undang sivil, poligami itu adalah sesuatu yang dilarang dan menyalahi undang-undang bagi orang bukan Islam. Dengan itu keperluan sah perjanjian perkahwinan merujuk kepada status seseorang.

Hanya lelaki yang masih bujang atau bebas daripada mana-mana ikatan perkahwinan boleh membuat perjanjian untuk berkahwin yang sah.

Sementara itu undang-undang Syariah tidak melihat status sebegini. Poligami adalah sesuatu yang diharuskan dan bukan merupakan salah satu keperluan sah perjanjian. Perjanjian untuk berkahwin yang sah merujuk kepada keperluan yang telah digariskan oleh *hukum syarak*. Umat Islam dilarang berjanji untuk berkahwin terhadap tunangan orang lain dan haram *hukum* pertunangan semasa iddah seseorang perempuan itu belum tamat.

Undang-undang sivil menggariskan beberapa alasan hujah pembelaan bagi pihak yang memungkiri janji yang meliputi salahnyataan fakta dan ketidakupayaan fizikal atau mental untuk berkahwin. Namun begitu alasan dan dalihan tersebut bukanlah setakat itu sahaja (non-exhaustive). Undang-undang Syariah mengambil pendekatan yang liberal dan terbuka dari aspek dalihan dan hujah pembelaan. Pihak yang memungkiri janji berhak untuk membuat apa saja hujahan yang difikirkan munasabah untuk membuktikan yang beliau tidak perlu membayar pampasan gantirugi dan menuntut kembali segala pemberian semasa pertunangan.

Merujuk kepada peruntukan-peruntukan di dalam Enakmen pentadbiran negeri-negeri sememangnya undang-undang keluarga Islam di Malaysia dengan amat jelas telah menyediakan undang-undang prosedur dan substantif mengenai hak-hak wanita di dalam kes kemungkiran janji untuk berkahwin. Hak-hak ini merangkumi bayaran gantirugi dan tuntutan pemilikan hak pemberian pertunangan. Kes-kes yang dilaporkan di dalam Jurnal Hukm membuktikan mahkamah syariah mempunyai bidangkuasa untuk mendengar sebarang permohonan atau tuntutan akibat kemungkiran perjanjian untuk berkahwin. Malahan Artikel 121 (1A) Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan bidangkuasa eksklusif mahkamah syariah di dalam hal ini.

Di samping kita memperbincangkan hak-hak wanita di dalam kes kemungkiran janji untuk berkahwin ini, semua umat Islam perlu merenung kembali agar sepatutnya



melakukan persediaan perkahwinan itu secara sederhana. Tuntutan pemberian pertunangan dan gantirugi yang tinggi tidak sepatutnya berlaku. Menurut *Shaikh Ibnu Baz*, Mufti Besar Negara Arab Saudi, melaksanakan majlis perkahwinan yang memerlukan kos yang tinggi tidak digalakkan dan sepatutnya ianya dilaksanakan di tempat yang lebih bersesuaian dengan kos yang sederhana dan menepati kehendak Islam<sup>31</sup>.

Di dalam *surah Al-Ana'm* ayat 141 Allah berfirman “.....*dan janganlah kamu berlebih-lebihan*”. Sesungguhnya Allah tidak suka orang-orang yang berlebih-lebihan dan wanita Islam yang ingin membuat sebarang tuntutan di Mahkamah di dalam kes Kemungkiran janji untuk berkahwin hendaklah memohon gantirugi yang setimpal dan setaraf dengan kemampuan bekas tunangnya.

Sebagai kesimpulan, undang-undang keluarga Islam telah memperuntukkan hak-hak wanita Islam yang meliputi tuntutan hakmilik pemberian pertunangan dan pampasan akibat kerugian yang dialami. Di Malaysia, wanita Islam boleh membuat tuntutan di Mahkamah Syariah dan mengikut prosedur yang telah ditetapkan di dalam enakmen negeri masing-masing. Diharapkan melalui penulisan ini wanita Islam di Malaysia akan lebih memahami hak-hak mereka di dalam kes-kes kemungkiran janji untuk berkahwin. Sesungguhnya Islam itu syumul dan melindungi hak-hak setiap manusia sama ada lelaki ataupun wanita termasuk di dalam kes-kes kemungkiran perjanjian untuk berkahwin.

---

<sup>31</sup> Dikompilasikan oleh Muhammad Abdul Aziz Al-Musnad dan diterjemahkan oleh Jamaal Al-Din M. Zarabozo, *Islamic Fatawa Regarding Women (Syariah Rulings given by the Grand Mufti of Saudi Arabia Sheikh Ibnu Baz, Sheikh Ibnu Uthaimin, Sheikh Ibn Jibreem and other on Matters Pertaining to Women)*, Darussalam, Riyadh Saudi Arabia, 1996, ms 175.

## RUJUKAN

### Buku, Artikel dan Keratan Akhbar.

- Abdul Ghani Azmi Idris, *Hukum-hukum Perkahwinan & Kekeluargaan Dalam Islam Pandangan Daripada Pelbagai Mazhab*, Dinie Publisher, Kuala Lumpur.
- Ahmad Ibrahim, *Undang Keluarga Islam di Malaysia*, Malayan Law Journal, Kuala Lumpur, 1999.
- Ahmad Ibrahim, *Family Law in Malaysia and Singapore*, 2<sup>nd</sup> Edition, Malayan Law Journal, Kuala Lumpur, 1984.
- Enakmen Keluarga Islam Kedah.
- Enakmen Keluarga Islam Kelantan.
- Enakmen Keluarga Islam Perak.
- Enakmen Undang-undang Keluarga Selangor.
- Enakmen Undang-undang Keluarga Wilayah Persekutuan.
- Jurnal Hukm, Jilid 1, 1980 dan 1983.
- Mimi Kamariah Majid, *Undang-undang Keluarga Di Malaysia*, Butterworths, Kuala Lumpur, 1992.
- Muhammad Abdul Aziz Al-Musnad, Jamaal Al-Din M. Zarabozo (Penterjemah), *Islamic Fatawa Regarding Women (Syariah Rulings given by the Grand Mufti of Saudi Arabia Sheikh Ibnu Baz, Sheikh Ibnu Uthaimin, Sheikh Ibn Jibreem and other on Matters Pertaining to Women)*, Darussalam, Saudi Arabia.
- Sayid Sabiq, *Fiqh Sunnah*, Dar Al-Fikr, Beirut, Lebanon, 1995.
- Sayyid Sabiq, *Perkahwinan dan Pertunangan Dalam Islam (Penterjemah Zainal Azam)*, Penerbitan Al-Ramadhan, 1996.
- Utusan Malaysia, *Hasmawi Hilang Selepas SMS Batal Perkahwinan*, 20 Disember 2005.
- Yayasan Penyelenggara Penterjemah Al-Quran, *Terjemahan Al-Quran*, Jakarta, 1981.
- Wahbah Zuhaili, *Fiqhul Islami Wa Adillatuhu*, Jilid VII, Dewan Bahasa Pustaka, 2000.

### Kes

- Aishah Mahmud lwn Jamaluddin Sulaiman* (1983) Jurnal Hukm, m/s 104-105
- Cohey lwn Sellar* (1926) 1 KB 536.
- Dalip Kaur lwn Pegawai Polis Daerah Bukit Mertajam* (1992) 1 MLJ 1.
- Faridah Dato Talib lwn Habibullah* (1990) 1 CLJ 763.
- Fender lwn St John Mildmay* (1938) AC 1
- Hall lwn Wright* (1859) EB & E 765.
- Harvey lwn Johnson* (1848) 6 CB 295
- Hussin lwn Moh* (1980) Jurnal Hukm, Jilid 1, m/s 44-46.
- Mary Joseph Arokiasamy lwn Sundram* (1938) MLJ 4.
- Nafsiah lwn Abd Majid* (1969) 2 MLJ 175.
- Rodrigues lwn Bala Krishnan* (1982) 2 MLJ 77
- Shaw lwn Shaw* (1954) 2 QB 429.
- Spiers lwn Hunt* (1908) 1 KB 720
- Wharton lwn Lewis* (1824) LC & P 259